

LAMPIRAN A

| Bil. | Portfolio | Manifesto | Status |
|------|---|---|---|
| 1 | Pentadbiran Cepak, Akauntabel, Telus (CAT) | Jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada 2 penggal sekiranya mendapat majoriti 2/3 | Telah ditepati |
| 2 | | Melantik Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC dan juga tambahan sumber untuk memperkasakan Pejabat Ketua Pembangkang | Telah ditepati |
| 3 | | Meneruskan belanjawan berhemah di mana Laporan Ketua Audit Negara 2015 menyatakan 100% projek siap dengan hanya 55% peruntukan dibelanjakan | Belanjawan berhemah diteruskan dalam pengurusan kewangan negeri. |
| 4 | Perumahan untuk Semua | 75,361 unit perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik akan dibina | Telah ditepati dengan mengambil kira projek yang telah siap, sedang dibina dan projek yang telah dapat kelulusan kebenaran merancang. |
| 5 | | Membaik pulih, mengganti dan menyelenggara lif, tangki air dan bumbung di skim perumahan swasta yang tidak melebihi RM150,000 pada harga belian asal di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) | Telah ditepati |
| 6 | | Meneruskan penyelenggaraan semua skim perumahan awam | Telah ditepati |

| | | | |
|----|----------------------------|---|----------------|
| 7 | | Membina projek perumahan awam untuk disewa | Telah ditepati |
| 8 | Negeri Keusahawanan | RM50 juta untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (SME) dalam bentuk Pusat SMART (<i>Small and Medium Enterprises Market Advisory Resource and Training Centre</i>), SME Centre yang menyediakan tapak sewa yang disubsidikan di Bayan Lepas serta Taman Perindustrian SME di Batu Kawan | Telah ditepati |
| 9 | | Tabung Benih Industri 4.0 (i4.0) Pulau Pinang sebanyak RM4 juta untuk membantu <i>technopreneur</i> muda | Telah ditepati |
| 10 | | Mengekalkan Pulau Pinang sebagai pilihan utama sektor pembuatan elektronik, kelengkapan perubatan, LED, aerospace dan menjadi hab BPO (Business Process Outsourcing) masa depan | Telah Ditepati |
| 11 | | Memperkasakan Skim Pinjaman Harapan yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah sehingga maksima RM25,000 | Telah ditepati |
| 12 | | Memperkasakan Tabung Usahawan Tani yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah RM6,000 bagi usahawan bawah usia 40 tahun dan RM5,000 bagi yang berusia lebih 40 tahun | Telah ditepati |

| | | | |
|----|------------------------------------|--|--|
| 13 | Meningkatkan kemudahan asas | RM15 juta untuk perkhidmatan bas percuma bersasar di Pulau Pinang dan Seberang Perai | Telah ditepati |
| 14 | | RM150 juta tambahan untuk projek-projek tebatan banjir di Pulau Pinang dan Seberang Perai | Telah ditepati. 6 projek tebatan banjir telah mula kerja dan 2 projek dalam peringkat penyediaan laporan akhir. |
| 15 | | RM6.3 bilion untuk tiga lebuh raya dan terowong bawah dasar laut antara Gurney Drive dan Bagan Ajam bagi meleraikan kesesakan lalulintas | Tiga lebuh raya telah dapat kelulusan Laporan EIA. Projek <i>Air Itam Bypass</i> akan mula kerja pada bulan 31 Oktober 2019 dan terowong bawah dasar laut deraf laporan Kajian Kebolehlaksanaan telah dikemukakan. |
| 16 | | RM27 bilion untuk Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang yang akan mengembalikan perkhidmatan trem di Tapak Warisan Dunia George Town dan pembinaan LRT yang bakal menghubungkan pulau ke Seberang Perai | Masih dalam peringkat untuk mendapat kelulusan penuh daripada Kerajaan Pusat. |
| 17 | | Memasang 1,000 buah CCTV untuk menjadikan Pulau Pinang negeri selamat | Penambahan bilangan CCTV telah mencapai 1,065 unit daripada jumlah asal 904 (MPSP - 130, MBPP - 935) |
| 18 | Negeri Hijau | Menjamin tiada catuan air untuk 10 tahun akan datang dan kadar tarif domestik yang paling rendah di Malaysia | Sehingga hari ini masih tiada catuan air di Pulau Pinang dan kadar tarif air domestik terendah di Malaysia |
| 19 | | Mewujudkan Gurney Wharf di Persiaran Gurney sebagai kawasan <i>waterfront</i> bertaraf dunia dengan taman rekreasi di atas laut bagi kegunaan awam | Dalam pelaksanaan, Penyerahan Fasa 1 tanah seluas 15 ekar kepada Kerajaan Negeri pada 18 Oktober 2019. |

| | | |
|----|---|---|
| 20 | Memastikan hutan simpanan kekal yang diwartakan boleh ditambah tetapi tidak boleh dikurangkan | Telah ditepati |
| 21 | Penggantian 20,000 tiang lampu kepada lampu LED menjelang tahun 2020 | PBT sedang dalam usaha menukar tiang lampu kepada lampu LED dan dijangka akan capai penggantian 20,000 tiang pada tahun 2020. |
| 22 | Mendirikan Taman Bercahaya (<i>Night Park</i>). | Telah ditepati |
| 23 | Menggunakan kecerdasan buatan (<i>Artificial Intelligence</i>) untuk menjayakan inisiatif Pulau Pinang Bebas Denggi dan Pulau Pinang Bebas Asap Rokok | Telah ditepati |
| 24 | Mewujudkan Penang Alert sebagai sistem pemantauan dan respons bencana (<i>disaster monitoring and response system</i>) | Telah ditepati |
| 25 | Menjayakan projek pengasingan sisa di punca dan mencapai kadar kitar semula pada tahap 45% | MBSP : Capai MBPP: Dalam pelaksanaan |
| 26 | Memodenkan pengurusan sisa pepejal | Telah ditepati |
| 27 | Memulihkan semula tapak pelupusan Jelutong | RFP Penutupan Selamat dan Pembangunan Semula Tapak Pelupusan Jelutong telah dipanggil oleh PDC dan diselaraskan oleh BPEN. |

| | | | |
|----|--|--|--|
| 28 | | Menanam 100,000 lagi pokok baru | Jumlah bilangan pokok yang telah ditanam untuk tempoh 2018-2019 (Sept) ialah 34,316. Perancangan penanaman pokok adalah 24,600 pokok pada tahun 2020, 24,600 pokok pada tahun 2021 dan 24,622 pokok pada tahun 2022. |
| 29 | Pembangunan, Pendidikan dan Kemahiran | RM20 juta setiap tahun untuk sekolah-sekolah ibunda, vernakular dan agama rakyat | Telah ditepati |
| 30 | | Menawarkan tanah untuk pembangunan sekolah menengah Tamil pertama di Malaysia | Memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan |
| 31 | | RM6 juta untuk kelas <i>coding</i> percuma kepada 120,000 pelajar sekolah rendah dan menengah termasuk sekolah ibunda, vernakular dan sekolah agama rakyat | Projek ini telah bermula dan akan diteruskan |
| 32 | | Mengembangkan rangkaian Pusat Tuisyen Rakyat kepada sekurang-kurangnya satu pusat di setiap DUN | Projek ini telah bermula dan akan diteruskan |
| 33 | | Memperbanyakkan perpustakaan digital awam di kawasan pulau dan Seberang Perai | Projek ini telah bermula dan akan diteruskan |

| | | | |
|----|---|--|--|
| 34 | | RM6 juta untuk membiayai kos pendidikan pelajar-pelajar yang mengambil program Diploma German Meister yang diiktiraf di negara Jerman yang membolehkan pelatih untuk bekerja sambil belajar dalam pekerjaan-pekerjaan mahir dan akan dibayar gaji minima RM1,000 sebulan | Telah ditepati |
| 35 | | Meneruskan Seberang Perai Fiesta dan menganjurkan PIFF dua kali setahun untuk membolehkan penjaja tempatan ada peluang berniaga | Telah ditepati |
| 36 | Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Sukan | Mewujudkan <i>Penang Arts District</i> sebagai landasan untuk menggerakkan pembangunan seni dan warisan | Projek <i>Penang Arts District</i> dalam peringkat kajian kerana perlu mengambil kira reka bentuk stesen LRT serta jajaran LRT yang akan melalui tapak projek. |
| 37 | | Menubuhkan Arena E-Games serta membina sebuah litar perlumbaan | Masih dalam perancangan dan perbincangan terperinci. Sedang mencari lokasi sesuai . |

| | | | |
|----|--|---|--|
| 38 | | <p>RM275 juta untuk infrastruktur sukan termasuk stadium hoki baru di Bukit Mertajam, stadium mini bola sepak di Permatang Rawa, velodrome di Pantai Jerejak, kompleks renang dan arena badminton di Bagan, kompleks sukan di Batu Maung serta kompleks badminton di Lebu Macallum, Sungai Pinang, Persiaran Karpal Singh dan Jalan Bukit Panchor</p> | <ol style="list-style-type: none"> (1) Stadium Hoki baru di Bukit Mertajam - Dalam proses kajian semula. (2) Stadium Mini di Permatang Rawa - Dalam proses pembinaan. (3) Velodrome Pantai Jerejak - ditukar ke projek dewan serbaguna merangkumi gelanggang bola keranjang, bola tampar, gimnastik, judo/karate kerana sukan berbasikal velodrome kurang mendapat sambutan orang ramai. (4) Kompleks Renang dan arena badminton di Bagan - dilaksanakan di Ampang Jajar yang dilengkapi dengan dewan serbaguna. Kini dalam peringkat penilaian oleh PDC. (5) Kompleks Sukan di Batu maung - Tiada Maklumat. (6) Kompleks Bola Keranjang di Lebu Macallumm - ditukar ke gelanggang bola keranjang berbumbung di sebahagian tanah Taman Kejiranan Macallum oleh ADUN Kawasan. (7) Kompleks Badminton di Lebu Sungai Pinang 7- MMK bersetuju untuk menggantikan Gelanggang Badminton dan tempat letak kereta kepada kawasan riadah/hijau dan tempat letak kereta. (8) Pembangunan Akademi Badminton di Lebu Sungai Pinang 1- Dalam proses RFP. (9) Kompleks Badminton Bukit Panchor (Nibong Tebal Arena) - Akitek akan memberi pelan yang terkini mengenai projek ini. (10) Kompleks Sukan Bandaraya MBPP di Relau-telah siap pada akhir tahun 2017. |
|----|--|---|--|

| | | | |
|----|----------------------------|--|--|
| 39 | | Tabung Benih Habitat Warisan RM3 juta untuk membaikpulih bangunan warisan dengan syarat sewa jangka masa panjang pada harga mampu milik diberi kepada penyewa | Ditubuhkan pada 24 November 2018. 3 projek perintis telah mula dilaksanakan pada tahun 2019. Program ini adalah dijalankan secara berterusan. |
| 40 | | RM20 juta untuk penaiktarafan Muzium Negeri Pulau Pinang | Kerja-kerja penaiktarafan sedang dijalankan. Dijangka siap pada 29 Mac 2021. |
| 41 | | Memulih kembali dan mempromosikan projek-projek gagal seperti Komtar, Bukit Bendera, Pusat Konvensyen SPICE dan pembangunan IKEA di Seberang Perai | Telah ditepati |
| 42 | Negeri Berkebakikan | Program Penang Sihat subsidi sebanyak RM300 bagi perkhidmatan perubatan di klinik swasta melalui kad 'I Love Penang' kepada keluarga berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan | Ditangguhkan kerana terdapat inisiatif yang sama di peringkat Kerajaan Persekutuan iaitu Mysalam dan Peka B40. |
| 43 | | Menambahbaik program-program kebajikan dengan meningkatkan bayaran warga emas dan OKU kepada RM200 | Masih dalam peringkat perancangan akan dilaksanakan secara berperingkat. |
| 44 | | Bantuan kos sara hidup RM1,000 setahun untuk kaum wanitadan ibu dalam keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan | Tidak akan dijalan kerana adalah sama dengan Bantuan Sara Hidup yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kepada keluarga yang kurang berkemampuan. |

| | | | |
|----|----------------------------|--|--|
| 45 | | Insentif RM300 setahun kepada semua ibu berkerjaya sehingga usia 60 tahun yang mempunyai anak kecil berusia 6 tahun ke bawah | Masih dalam peringkat perancangan dijangka akan dilaksanakan pada 2020. |
| 46 | | Meneruskan Projek Khas Ekonomi untuk keluarga miskin sebanyak RM42,000 untuk membina rumah baru dan RM15,000 untuk membaiki rumah masyarakat desa | Telah Ditepati |
| 47 | | Meneruskan rawatan dialisis bersubsidi untuk golongan miskin sebanyak RM30 setiap lawatan di tiga pusat dialisis kerajaan negeri di Balik Pulau, Seberang Jaya dan Masjid At-Taqwa, Bertam | Perkhidmatan di Pusat Dialisis CAT, Balik Pulau diteruskan. Sementara bagi Seberang Jaya dan Masjid At-Taqwa, Bertam, pemberian subsidi ditangguhkan kerana didapati pesakit-pesakit menerima bantuan dari agensi persekutuan, pertubuhan dan NGO. |
| 48 | | Meneruskan program pemeriksaan mamogram percuma untuk wanita yang melebihi usia 30 tahun | Telah ditepati |
| 49 | | Pengecualian cukai pintu bagi pertubuhan amal dan pusat dialisis | Telah ditepati |
| 50 | | Memberikan 6,000 kanopi 'Saya Sayang Pulau Pinang' secara percuma kepada penjaja-penjaja | Telah bermula dan akan diteruskan. |
| 51 | Memartabatkan Islam | Menjadikan Pulau Pinang pusat kecemerlangan pendidikan Islam dan pusat pembangunan intelektual Islam | Telah ditepati |
| 52 | | Membangunkan bandar universiti di Balik Pulau | Masih dalam peringkat perancangan |

| | | | |
|----|--|---|--|
| 53 | | Pembinaan Hospital Islam pemajuannya di peringkat akhir tapak | Masih menunggu kelulusan kebenaran memulakan kerja (COW) |
| 54 | | Pembinaan Sekolah Islam Antarabangsa dalam peringkat akhir melantik kontraktor | Projek masih dalam pembinaan. |
| 55 | | Memantap dan mempertingkatkan institusi zakat Pulau Pinang dengan meningkatkan kutipan dan agihan secara efektif bagi membasmi kemiskinan dan memajukan ummah | Telah ditepati |
| 56 | | Meneruskan usaha Halal Penang bagi mengekalkannya sebagai agensi terunggul di Malaysia dan mendapat pengiktirafan antarabangsa | Telah ditepati |
| 57 | | Membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang | Telah ditepati |
| 58 | | Memajukan tambahan 100 ekar di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang | Telah ditepati |
| 59 | | Mewujudkan Institut Syed Sheikh Al-Hadi bagi tujuan penerbitan, kajian dan mempromosikan konsep Islam sebagai rahmatan-lil-alamin | Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP sedang dalam tindakan menubuhkan Institut Syed Syeikh al-Hadi. |
| 60 | Masyarakat Majmuk yang Harmonis | Menubuhkan Pusat Harmoni yang bernilai RM3 juta sebagai pejabat untuk menyelaras dan memudahcara hal ehwal agama selain Islam | Telah ditepati |

| | | | |
|----|--------------------------------|---|--|
| 61 | | Meluluskan penjualan tanah sebanyak 70 ekar dan membenarkan permohonan bangunan agama selain Islam atas tanah sendiri | Sebidang tanah seluas 21 ekar di Ampang Jajar telah ditawarkan untuk permohonan dan kerajaan sedang mengenalpasti tanah lain yang sesuai untuk tujuan ini. |
| 62 | | Meningkatkan peruntukan Lembaga Wakaf Hindu kepada RM1.5 juta setahun | Telah ditepati |
| 63 | | Memberikan anggota Kerajaan Negeri bukan Islam 7 hari cuti bergaji untuk mengerjakan ibadah agama masing-masing | Telah ditepati |
| 64 | | RM1 juta untuk menaiktaraf prasarana asas dan pemasangan lampu hiasan di Little India | Telah ditepati |
| 65 | | Disentralisasi kuasa-kuasa kepada kerajaan negeri dalam bidang pengangkutan, perkhidmatan social, pertanian, perikanan dan alam sekitar | Satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan . |
| 66 | Hak Negeri Pulau Pinang | Menuntut pengagihan hasil cukai yang saksama daripada jumlah RM5.8 bilion cukai GST yang dibayar sejak April 2015 dan juga RM6 bilion cukai-cukai lain setiap tahun | Memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan |
| 67 | | Berusaha untuk memastikan kerja-kerja kerajaan negeri dan tempatan diuruskan oleh rakyat Malaysia dan bukan pekerja asing | Telah ditepati |

| | | | |
|----|--|--|---|
| 68 | | Menuntut Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan hak milik kekal untuk rumah kos rendah dan sederhana rendah secara percuma | Memerlukan kelulusan Kerajaan Persekutuan |
|----|--|--|---|